

SEKSYEN 5

Risiko Fiskal dan Liabiliti

81 PERSPEKTIF KESELURUHAN

**81 PENDEDAHAN HUTANG DAN
LIABILITI**

82 JAMINAN KERAJAAN

**84 1MALAYSIA DEVELOPMENT
BERHAD**

85 LIABILITI LAIN

85 KESIMPULAN

SEKSYEN 5

Risiko Fiskal dan Liabiliti

Perspektif Keseluruhan

Pandemik COVID-19 yang berpanjangan telah memberi kesan kepada aktiviti perniagaan dan kehidupan rakyat. Situasi ini memerlukan Kerajaan untuk terus menyokong aktiviti ekonomi dengan pelbagai pakej rangsangan dan bantuan sama ada melalui suntikan fiskal langsung atau langkah bukan fiskal seperti dana bantuan khas dan skim mikro kredit serta melalui instrumen separa-fiskal seperti fasiliti jaminan kepada perniagaan. Keperluan untuk menyediakan suntikan fiskal dan langkah bantuan yang berterusan dalam keadaan pandemik yang masih menular telah meningkatkan pendedahan risiko kepada Kerajaan. Walau bagaimanapun, langkah kawalan terutamanya penilaian yang rapi serta pemantauan berterusan dan penyusunan semula kedudukan kewangan dan hutang telah dilaksanakan bagi mengurangkan impak daripada pendedahan risiko berkenaan.

Jaminan Kerajaan terus meningkat namun pada kadar yang lebih perlahan berikut projek pembangunan dan infrastruktur masih lagi dilaksanakan secara berhemat. Projek infrastruktur strategik masih diteruskan bagi memacu momentum pertumbuhan dan pada masa yang sama menggalakkan aktiviti ekonomi semasa pandemik. Walau bagaimanapun, sekatan pergerakan yang berpanjangan bagi mengekang penularan pandemik telah meningkatkan pendedahan risiko Kerajaan dalam bentuk sokongan kepada entiti yang beroperasi dalam sektor perkhidmatan seperti pengendali pengangkutan awam dan konsesi lebuh raya. Keadaan ini memerlukan Kerajaan untuk memperketat pemantauan dan penilaian kewangan syarikat berkenaan bagi mengenal pasti risiko serta merangka langkah pengurangan pendedahan fiskal.

Kerajaan telah meneruskan pemulihan asset 1Malaysia Development Berhad (1MDB) sebagai usaha menangani pendedahan risiko daripada liabiliti lain. Langkah yang diambil termasuk rundingan dengan pihak berkaitan, prosiding undang-undang dan saman sivil. Usaha pemulihan ini membolehkan Kerajaan mengurangkan impak kewangan liabiliti 1MDB ke atas kedudukan fiskal. Kerajaan akan meneruskan langkah pemulihan ini bagi mengurangkan pendedahan risiko daripada obligasi 1MDB.

Pendedahan Hutang dan Liabiliti

Pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan menunjukkan tahap keberhutungan Kerajaan secara keseluruhan. Kedudukan ini merangkumi hutang Kerajaan Persekutuan dan

JADUAL 5.1. Pendedahan Hutang dan Liabiliti Kerajaan Persekutuan, 2020 – 2021

KOMPONEN	RM BILION		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2020	2021 ¹	2020	2021 ¹
Hutang Kerajaan Persekutuan	879.6	958.4	62.1	63.3
Komitmen jaminan	185.7	190.4	13.1	12.6
1MDB	31.1	32.0	2.2	2.1
Liabiliti lain (PPP, PFI, PBLT)	171.8	152.9	12.1	10.1
Jumlah	1,268.2	1,333.7	89.5	88.1

¹ Akhir Jun
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

liabiliti lain dalam bentuk komitmen jaminan, hutang 1MDB serta komitmen tunai projek perkongsian awam-swasta (PPP), inisiatif pembiayaan swasta (PFI) dan PBLT Sdn. Bhd. (PBLT). Pelaporan hutang dan liabiliti secara komprehensif bertepatan dengan usaha Kerajaan untuk beralih kepada standard perakaunan akruan di bawah Piawaian Perakaunan Sektor Awam Antarabangsa (IPSAS) dan pengumpulan statistik mengikut Public Sector Debt Statistics oleh Tabung Kewangan Antarabangsa (IMF). Pada akhir Jun 2021, pendedahan hutang dan liabiliti Kerajaan Persekutuan dianggarkan berjumlah RM1,333.7 billion atau 88.1% berbanding KDNK.

Jaminan Kerajaan

Jaminan Kerajaan (GG) merupakan salah satu instrumen fiskal yang digunakan Kerajaan Persekutuan untuk menyediakan jaminan ke atas pembiayaan oleh entiti bagi melaksanakan program dan projek infrastruktur strategik yang berupaya meningkatkan impak ekonomi

dan sosial kepada pembangunan negara. Pemberian GG dikawal selia di bawah Akta Jaminan Pinjaman (Pertubuhan Perbadanan) 1965 [Akta 96] yang memerlukan setiap entiti penerima GG diwartakan sebagai pertubuhan perbadanan di bawah Akta ini. Pada masa ini, fasiliti GG hanya diberikan kepada entiti berkaitan Kerajaan seperti syarikat berkaitan kerajaan (GLC), badan berkanun serta agensi di bawah kerajaan negeri.

Pada akhir Jun 2021, jumlah GG terkumpul meningkat perlahan kepada RM300.4 bilion atau 19.8% kepada KDNK (2020: RM294.7 bilion; 20.8% kepada KDNK) terutamanya disebabkan terbitan baharu oleh Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA) bagi membiayai kemudahan pinjaman perumahan kepada penjawat awam dan DanaInfra Nasional Berhad (DanaInfra) untuk meneruskan pembinaan projek infrastruktur awam. Lebih separuh (54.2%) daripada GG diberikan kepada pembiayaan berkaitan segmen infrastruktur diikuti dengan perkhidmatan (26.6%), pegangan pelaburan (8.3%), utiliti (6.8%) dan lain-lain (4.1%). Sepuluh penerima utama GG mewakili lebih 80% daripada jumlah jaminan.

JADUAL 5.2. Penerima Utama Jaminan Kerajaan, 2020 – 2021

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)		BAHAGIAN KEPADA KDNK (%)	
	2020	2021 ¹	2020	2021 ¹	2020	2021 ¹
Jumlah jaminan pinjaman	294,675	300,435	100.0	100.0	20.8	19.8
<i>antaranya:</i>						
DanaInfra Nasional Berhad	72,320	76,020	24.5	25.3	5.1	5.0
Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional	39,800	40,000	13.5	13.3	2.8	2.6
Prasarana Malaysia Berhad	38,914	38,914	13.2	12.9	2.8	2.6
Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	30,150	34,150	10.2	11.4	2.1	2.3
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd.	21,530	23,177	7.3	7.7	1.5	1.5
Projek Lebuhraya Usahasama Berhad	11,000	11,000	3.7	3.7	0.8	0.7
Khazanah Nasional Berhad	11,300	9,000	3.8	3.0	0.8	0.6
Pengurusan Air SPV Berhad	9,760	8,025	3.3	2.7	0.7	0.5
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd.	6,951	7,276	2.4	2.4	0.5	0.5
GovCo Holdings Berhad	7,200	5,700	2.5	1.9	0.5	0.4
Jumlah penerima utama	248,925	253,262	84.4	84.3	17.6	16.7

¹ Akhir Jun

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

Purata tempoh matang berwajaran GG mencatatkan 10.9 tahun pada akhir Jun 2021. Dari segi profil kematangan, 52.8% dijangka matang dalam tempoh sepuluh tahun dan 47.2% akan matang dalam tempoh melebihi sepuluh tahun. Risiko kadar tukaran mata wang asing adalah rendah memandangkan lebih 90% daripada GG berdenominasi ringgit manakala selebihnya dalam mata wang lain seperti renminbi, yen dan dolar AS.

Fasiliti GG secara asasnya diberikan kepada entiti yang mempunyai kedudukan kewangan mampan untuk melaksanakan projek strategik yang mempunyai tempoh keberhasilan yang panjang. Fasiliti ini juga memudahkan entiti tersebut memperoleh pinjaman pada kadar pembiayaan yang lebih kompetitif. Namun begitu, dalam situasi tertentu, entiti yang mendapat fasiliti GG berkemungkinan memerlukan peruntukan kewangan daripada Kerajaan bagi membantu dalam bayaran balik hutang, bantuan modal kerja atau sokongan aliran tunai. Oleh itu, GG yang diberikan kepada entiti yang menerima bantuan kewangan Kerajaan dikategorikan sebagai

komitmen jaminan. Entiti tersebut diberi jaminan sama ada di bawah Akta 96 atau jaminan di bawah Seksyen 14¹ Akta Tatacara Kewangan 1957 [Akta 61].

Pada akhir Jun 2021, komitmen jaminan merekodkan peningkatan kecil kepada RM190.4 bilion (12.6% kepada KDNK) berbanding RM185.7 bilion (13.1% kepada KDNK) pada 2020 disebabkan oleh terbitan pembiayaan DanaInfra dan Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. bagi melaksanakan projek infrastruktur pengangkutan sedia ada. Terdapat peningkatan risiko daripada penerima GG terutamanya entiti yang beroperasi dalam sektor perkhidmatan berikutan pelaksanaan pelbagai langkah kawalan pergerakan bagi mengekang penularan COVID-19. Justeru, sebuah syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) yang membiayai pembelian pesawat Malaysia Airlines iaitu Turus Pesawat Sdn. Bhd. telah diklasifikasikan sebagai komitmen jaminan sejarar dengan langkah penstrukturkan semula syarikat berikutan penyediaan bantuan kewangan Kerajaan bagi pembayaran balik hutang.

**JADUAL 5.3. Komitmen Jaminan,
2020 – 2021**

ENTITI	RM JUTA		BAHAGIAN (%)	
	2020	2021 ¹	2020	2021 ¹
DanaInfra Nasional Berhad	72,320	76,020	38.9	39.9
Prasarana Malaysia Berhad	38,914	38,914	21.0	20.4
Malaysia Rail Link Sdn. Bhd. ²	21,530	23,177	11.6	12.2
Urusharta Jamaah Sdn. Bhd.	20,683	21,097	11.1	11.1
Suria Strategic Energy Resources Sdn. Bhd. ²	6,951	7,276	3.7	3.8
GovCo Holdings Berhad	7,200	5,700	3.9	3.0
Jambatan Kedua Sdn. Bhd. ²	5,528	5,514	3.0	2.9
Turus Pesawat Sdn. Bhd.	5,310	5,310	2.9	2.8
MKD Kencana Sdn. Bhd.	3,500	4,500	1.9	2.4
SRC International Sdn. Bhd.	2,485	1,785	1.4	0.9
Sentuhan Budiman Sdn. Bhd.	800	750	0.4	0.4
TRX City Sdn. Bhd.	253	192	0.1	0.1
Assets Global Network Sdn. Bhd.	253	202	0.1	0.1
Jumlah	185,727	190,437	100.0	100.0

¹ Akhir Jun

² Tertakluk kepada nilai kadar tukaran

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

¹ Seksyen 14(1) Akta 61: *No guarantee involving a financial liability shall be binding upon the Federal Government, unless it is entered into with the written authority of the Treasury or in accordance with federal law.*

Kerajaan akan terus memantau impak krisis COVID-19 ke atas semua penerima GG dalam menilai risiko entiti yang memerlukan bantuan daripada Kerajaan. Pada masa yang sama, prestasi kewangan syarikat di bawah kategori komitmen jaminan akan dipantau rapi bagi memastikan pelan pemulihan syarikat dapat dilaksanakan untuk mengurangkan pendedahan risiko kepada Kerajaan. Entiti yang tidak lagi memerlukan bantuan kewangan Kerajaan akan dikeluarkan daripada senarai komitmen jaminan.

1Malaysia Development Berhad

Syarikat 1MDB telah ditubuhkan sebagai sebuah syarikat MKD pada 2009 bagi memacu pembangunan strategik negara. Walau bagaimanapun, kebergantungan tinggi ke atas modal hutang serta tadbir urus korporat yang lemah menyebabkan syarikat mengalami masalah aliran tunai bermula penghujung 2014 dan seterusnya memerlukan bantuan daripada Kerajaan. Sehingga akhir Jun 2021, baki hutang 1MDB kekal pada RM32 bilion.

Sejumlah aset bernilai RM18.2 bilion berkaitan 1MDB telah disita atau diperoleh semula dan diletakkan dalam Akaun Amanah Mendapatkan Kembali Aset di bawah kawalan Jabatan Akauntan Negara Malaysia. Aset yang diperoleh kembali termasuk sitaan aset fizikal serta bayaran penyelesaian oleh pihak yang terbabit dengan Jabatan Kehakiman Amerika Syarikat, terimaan penyelesaian daripada

JADUAL 5.4. *Hutang 1MDB, pada akhir Jun 2021*

KOMPONEN	KADAR (%)	TEMPOH MATANG	PRINSIPAL	
			(USD BILION)	(RM BILION)
Jaminan Kerajaan				
Sukuk	5.75	Mei 2039	-	5.00
IPIC-MOF Inc.				
1MDB Energy Ltd	5.99	Mei 2022	1.75	7.27 ¹
1MDB Energy (Langat) Ltd	5.75	Oktober 2022	1.75	7.27 ¹
Letter of Support				
Bon global	4.44	Mac 2023	3.00	12.46 ¹
Jumlah				32.00

¹ Tertakluk kepada nilai kadar tukaran
Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

institusi kewangan dan pihak lain seperti firma audit serta terimaan tunai daripada individu dan syarikat. Selain bayaran penyelesaian kepada Kerajaan, mantan pengatur terbitan bon bagi pihak 1MDB iaitu Goldman Sachs akan membantu dan memberi jaminan untuk mendapatkan semula aset bernilai sekurang-kurangnya USD1.4 bilion.

Sehingga September 2021, Kerajaan telah menjelaskan sebanyak RM12.8 bilion komitmen kewangan dan bayaran khidmat hutang 1MDB. Hampir RM10 bilion daripada jumlah ini

Perkembangan Pemulihan Aset 1MDB

2019
RM1.47 bilion

2020
RM12.68 bilion

Jan - Sept 2021
RM4.08 bilion

dijelaskan melalui pinjaman dan pendahuluan daripada Kerajaan atau MKD manakala bakinya menggunakan Akaun Amanah. Baki Akaun Amanah selepas mengambil kira pendapatan simpanan (*hibah*) adalah berjumlah RM15.3 bilion dan mampu membiayai obligasi 1MDB sehingga 2022. Baki obligasi keseluruhan 1MDB berjumlah RM39.3 bilion merangkumi prinsipal (RM32.2 bilion) dan faedah atau bayaran keuntungan atas pembiayaan (RM7.1 bilion).

Liabiliti Lain

Liabiliti kewangan lain Kerajaan termasuk komitmen di bawah projek PPP dan PFI serta pembiayaan yang diterbitkan oleh PBLT untuk melaksanakan projek infrastruktur Polis Diraja Malaysia. Terdapat projek yang dilaksanakan di bawah pendekatan PPP melibatkan tanggungan fiskal oleh Kerajaan manakala sebahagian projek lain dibiayai sepenuhnya oleh sektor swasta. Sehingga akhir Jun 2021, satu projek baharu telah ditambah di bawah senarai PPP iaitu sistem pengurusan tanah secara elektronik (e-Tanah) bagi negeri Perak dengan komitmen berjumlah RM249 juta sehingga 2032. Jumlah komitmen tunai berdasarkan 98 perjanjian projek dari 2021 hingga 2047 dianggarkan sebanyak RM102.8 bilion.

Liabiliti di bawah projek PFI adalah dalam bentuk pembiayaan daripada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) bagi memudah cara pelaksanaan projek


pembangunan infrastruktur termasuk pembinaan dan pembaikan sekolah, hospital, universiti dan pusat latihan serta penyenggaraan bangunan kerajaan. Pada akhir Jun 2021, liabiliti terkumpul PFI dianggarkan berjumlah RM46.1 bilion.

Syarikat PBLT ditubuhkan pada 2005 dengan pemilikan penuh MKD bagi mendapatkan pembiayaan dan seterusnya melaksanakan projek infrastruktur termasuk pembinaan kuarters, balai polis, pusat latihan dan fasiliti lain untuk kegunaan pasukan polis. Tiada pembiayaan baharu yang diterbitkan oleh PBLT sejak 2015 dan liabiliti terkumpul PBLT dianggarkan berkurang kepada RM4 bilion sehingga akhir Jun 2021.


Kesimpulan

Melangkah ke hadapan, pelaporan risiko oleh Kerajaan akan terus ditambah baik bagi menyediakan penilaian yang lebih komprehensif ke atas pendedahan Kerajaan. Pemantauan dan pengawasan yang ketat disertai dengan langkah mitigasi penting bagi mengurangkan impak ke atas kedudukan fiskal Kerajaan berikutan peningkatan pendedahan risiko akibat daripada kesan pandemik. Justeru, Kerajaan terus melaksanakan langkah pembaharuan untuk memperkuuh disiplin fiskal dan memperkemas tadbir urus terutamanya dalam pengurusan syarikat berkaitan kerajaan sebagai usaha meminimumkan pendedahan risiko daripada syarikat yang berkemungkinan menghadapi kesulitan.


RAJAH 5.1. Jaminan Pinjaman Terkumpul¹




RAJAH 5.2. Profil Kematangan Jaminan Pinjaman¹



RAJAH 5.3. Jaminan Pinjaman Mengikut Segmen¹



RAJAH 5.4. Obligasi PPP Terkumpul Mengikut Sektor¹



¹Akhir Jun 2021

Sumber: Kementerian Kewangan dan Unit Kerjasama Awam Swasta (UKAS), Jabatan Perdana Menteri Malaysia